

---

## SIARAN BERITA

# MyCC MENYAMBUT BAIK GARIS PANDUAN BARU BAGI PERLINDUNGAN INSURAN KESIHATAN OLEH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**KUALA LUMPUR, 12 September 2014** – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) menyambut baik langkah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk membantu persaingan yang lebih meluas dalam penyediaan perlindungan insurans kesihatan bagi pelajar asing untuk manfaat pengguna.

Garis Panduan Pemeriksaan Kesihatan dan Perlindungan Insurans yang diterbitkan oleh KPM baru-baru ini telah menyatakan bahawa sebagai sebahagian daripada dasar yang terkini, institusi pengajian swasta bebas untuk melantik mana-mana firma insurans, dan atau ejen pilihan mereka untuk menyediakan perlindungan insurans bagi pelajar asing selagi firma dan atau ejen-ejen tersebut berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dan pakej insurans yang disediakan adalah selaras dengan kriteria yang ditetapkan oleh KPM.

Sebelum ini MyCC telah menerima aduan berhubung dengan sekatan pasaran untuk menjual perlindungan insurans kesihatan kepada pelajar-pelajar asing oleh Servis Pendidikan Global Malaysia (EMGS). EMGS merupakan anak syarikat milik penuh Kementerian Pendidikan Malaysia yang diberi kuasa untuk memproses Permohonan Pas Pelajar untuk pelajar antarabangsa yang ingin belajar di institusi pengajian tinggi swasta di Semenanjung Malaysia.

Penyekatan pasaran ("*market foreclosure*") adalah pengecualian yang menyebabkan pembeli hiliran tidak diberi akses kepada pembekal huluhan (yang disebabkan daripada sekatan huluhan) atau apabila pembekal huluhan tidak diberikan akses kepada pembeli hiliran. Dalam keadaan ini, pelajar yang merupakan "pembeli hiliran" tidak diberikan akses kepada pembekal-pembekal insurans kesihatan yang lain oleh EMGS yang bertindak sebagai "pembekal huluhan." Sekatan ini berunsur antipersaingan dan melanggar Akta Persaingan 2010.

Berikutan aduan tersebut, MyCC yang telah mengambil langkah untuk melibatkan pihak-pihak yang berkaitan, termasuklah Kementerian Pendidikan Malaysia dan Servis Pendidikan Global Malaysia (EMGS), untuk memastikan persaingan dapat diterapkan dan diamalkan dalam penyediaan perlindungan insurans kepada pelajar-pelajar asing. Ini bertujuan untuk menggalakkan persaingan dalam industri.

---

“Penglibatan MyCC dengan pihak-pihak berkepentingan telah menunjukkan bahawa advokasi persaingan merupakan langkah yang sangat penting dalam menggalakkan suasana bersaing dan memastikan terdapatnya pilihan untuk pengguna. Tidak semua kes yang dijalankan harus melalui proses siasatan penuh sahaja,” kata Ketua Pegawai Eksekutif MyCC , Shila Dorai Raj.

Untuk maklumat lanjut mengenai Akta Persaingan 2010 dan MyCC sila layari [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).

---tamat---

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Rowena Wong, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: [rowena@mycc.gov.my](mailto:rowena@mycc.gov.my)

Anis Syafiq, Tel +603 2273 2277 (ext 217), Email: [anis@mycc.gov.my](mailto:anis@mycc.gov.my)

**Unit Komunikasi Korporat**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).